



### PEKELILING PEMBIAYAAN KEPADA ANGGOTA KOPERASI



#### KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD

Ruj. Kami : KOP TNB/CCRIS/2018

96 JALAN BANGSAR  
PETI SURAT 11065  
50734 KUALA LUMPUR.

27 Februari 2018

Kepada : Semua Anggota Koperasi TNB

#### PEKELILING PEMBIAYAAN KEPADA ANGGOTA KOPERASI TNB

<p><b>Tujuan</b></p>	<p>1. Pekeliling ini dikeluarkan bagi memberikan maklumat berhubung dengan syarat baru permohonan pembiayaan RM25,000 dan ke bawah dan pemakluman berkenaan Prosedur Operasi Standard (SOP) pembiayaan. Pemakaian syarat baru ini menekankan pentingnya proses menilai serta mengenalpasti kualiti pemohon pembiayaan sebelum meluluskan sesuatu pembiayaan.</p>
<p><b>LatarBelakang</b></p>	<p>2. Berikut peningkatan peratus keberhutangan tidak berbayar anggota Koperasi TNB sejak beberapa tahun kebelakangan, Mesyuarat Lembaga Koperasi TNB yang bersidang pada 23 Februari 2018 telah memutuskan mengambil langkah-langkah berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Mendapatkan maklumat CCRIS (Pusat Sistem Maklumat Rujukan Kredit) anggota (rujuk borang lampiran 1):             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Akaun di bawah status undang-undang (Tindakan undang-undang yang diambil) atau akaun perhatian khas.</li> <li>ii. Terlepas atau pembayaran yang lewat.</li> <li>iii. Penggunaan had kredit. Contohnya: Penggunaan kad kredit yang tinggi atau had kredit overdraft yang tinggi merupakan penunjuk yang kurang baik.</li> <li>iv. Nisbah Khidmat Hutang (DSR) yang tinggi. Ini dilakukan dengan membandingkan jumlah pendapatan dan jumlah baki kredit / Pinjaman</li> <li>v. Permohonan Kredit atau pinjaman aktif yang berganda. Semakin banyak permohonan pinjaman yang di buat semakin terdesak anda kelihatan.</li> </ol> </li> </ol>

	<p>b. Maklumat kebangkrutan dari Jabatan Insolvency Malaysia bagi memastikan anggota bukan seorang bankrap dan tiada tindakan kebangkrutan sedang diambil ke atas anggota.</p> <p>3. Langkah-langkah ini di ambil oleh Koperasi TNB bagi mengelakkan peningkatan tahap keberhutangan tidak berbayar anggota Koperasi TNB yang boleh mendatangkan risiko kutipan semula dan kewangan Koperasi TNB. Koperasi TNB akan mengkaji keperluan langkah-langkah yang diambil ini dari masa ke masa dengan mengambil kira faktor-faktor seperti keberkesanan langkah-langkah tersebut dan sebarang ancaman dan risiko kepada kestabilan kewangan Koperasi TNB.</p> <p>4. Prosedur Operasi Standard (SOP) pembiayaan Koperasi TNB adalah 5 hari bekerja berdasarkan carta aliran pembiayaan di lampiran 11.</p>
<b>Pemakaian</b>	5. Pekeliling pembiayaan kepada anggota Koperasi TNB ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 2018.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

"Dengan Salam Koperasi"

  
(MOHD ROSZELI BIN MAJID)  
Setiausaha

s.k **1)KEPADA SEMUA KETUA JABATAN**  
Mohon jasa baik Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan agar dapat **MEMPAMERKAN** pekeliling ini di papan kenyataan di Jabatan Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan untuk tatapan anggota-anggota Koperasi. Kerjasama yang diberikan di dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**2)KEPADA SEMUA PERWAKILAN**  
Sila panjangkan pekeliling ini kepada semua anggota Koperasi di kawasan anda.